

## ORIGINAL ARTICLE



**MJSSH**  
Muallim Journal of  
Social Science and Humanities

## RELAPSE PENYALAHGUNAAN DADAH DALAM KALANGAN BEKAS BANDUAN DIBAWAH PENGAWASAN PDRM

## RELAPSE OF DRUG ABUSE AMONG EX-PRISONERS UNDER PDRM SUPERVISION

Nalini Narkeyah<sup>\*1</sup>, Abd Razak Zakaria<sup>2</sup>, Haris Abd Wahab<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Institute for Advance Studies, Universiti Malaya, Malaysia. Email : [nalina\\_10@yahoo.com](mailto:nalina_10@yahoo.com)

<sup>2</sup> Faculty of Education, Universiti Malaya, Malaysia. Email: [abdrzakzakaria@yahoo.com](mailto:abdrzakzakaria@yahoo.com)

<sup>3</sup> Faculty of Arts and Social Sciences, Universiti Malaya, Malaysia. Email: [haris@um.edu.my](mailto:haris@um.edu.my)

\*Corresponding author

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/290>

### Abstract

Drug relapse behavior among ex-convicts is driven and influenced by many factors. The main purpose of this study is to identify the main factors that lead to drug relapse behavior among ex-prisoners and also the effectiveness of punishment given to ex-helpers to prevent them from engaging in drug relapse behavior. Through this study, there are five main factors that are the focus of the study such as peer factors, family factors, the effect of punishment, the effectiveness of rehabilitation programs and also community education. The implementation of this study is using a quantitative approach where group interviews and individual interviews are used as the main method to collect data and information from the study respondents who consist of 8 inmates in three prisons in Kedah, namely Yan Prison, Sik Prison and Kuala Kedah Prison. All the respondents of this study are Indian juvenile prisoners aged in their 20s and ex-prisoners who are still under the supervision of the PDRM.

**Keywords:** Relapse Behavior, Drug Abuse and Ex-Prisoners.

### Abstrak

Tingkah laku relapse dadah dalam kalangan bekas banduan adalah didorong dan dipengaruhi oleh banyak faktor. Tujuan utama pelaksanaan kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor utama yang mendorong kepada tingkah laku relapse dadah dalam kalangan bekas banduan dan juga keberkesanan hukuman yang diberikan kepada bekas bantuan untuk mengelakkan mereka terlibat dengan tingkah laku relapse dadah. Menerusi kajian ini, terdapat lima faktor utama yang menjadi fokus kajian seperti faktor rakan sebaya, faktor keluarga, kesan hukuman, keberkesanan program

pemulihan dan juga pendidikan masyarakat. Pelaksanaan kajian ini adalah menggunakan pendekatan kuantitatif yang mana temubual berkumpulan dan temubual individu digunakan sebagai kaedah utama untuk mengumpul data dan maklumat daripada responden kajian yang terdiri daripada 8 orang penghuni di tiga penjara di Kedah iaitu Penjara Yan, Penjara Sik dan juga Penjara Kuala Kedah. Kesemua responden kajian ini adalah banduan remaja berbangsa India yang berumur dalam lingkungan 20-an dan bekas banduan yang masih berada di bawah pengawasan PDRM.

**Kata Kunci:** Tingkah Relapse, Penyalahgunaan Dadah, dan Bekas Banduan dibawah pengawasan PDRM

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 24<sup>th</sup> January 2024, revised 20<sup>th</sup> March 2024, accepted 17<sup>th</sup> April 2024

## Pengenalan

Isu penagihan dadah adalah antara ancaman utama kepada golongan remaja di Malaysia. Ramai golongan remaja yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah termasuklah dalam kalangan pelajar. Perkara ini dipengaruhi oleh pelbagai faktor sama ada faktor luaran mahupun faktor dalaman. Dzulkifli (2002) menyatakan bahawa penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja tidak hanya didorong oleh faktor tekanan yang dihadapi oleh remaja tersebut seperti masalah keluarga, masalah kecelaruan emosi dan juga masalah sikap yang ingin merasai kesan dadah kepada diri mereka. Sebaliknya, penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja ini turut dipengaruhi oleh pelbagai faktor luaran sama ada dalam kalangan penagih baru mahupun penagih berulang atau relaps (Norruzeyati et. al., 2020). Contohnya seperti dorongan daripada rakan sebaya (Fauziah et. al., 2012), sikap masyarakat yang meminggirkan bekas penagih Suppiah (2015) dan pengaruh persekitaran Nurhazlina (2009). Ini bermakna bahawa faktor luaran juga dilihat turut mempengaruhi remaja untuk terlibat secara langsung dalam pengalagunaan dadah dan tingkah laku relapse dadah dalam kalangan penagih berulang (Samir et. al., 2015).

Oleh itu, kajian ini memberi fokus terhadap faktor yang mempengaruhi penyalahgunaan dadah dan aktiviti relapse dikalangan banduan penjara. Bagi mengenal pasti keutamaan setiap aspek yang dikaji, maklumat berdasarkan rencana dan laporan kajian-kajian lepas menjadi sumber rujukan yang kemudian diberi kupasan mengenainya melalui permasalahan kajian berikut. Hasil kajian dilihat bermanfaat untuk membantu negara khususnya Agensi Anti Dadah Kebangsaan untuk mengenal pasti faktor utama penglibatan banduan India dalam penyalahgunaan dadah serta memantapkan modul dan program pencegahan dan pemulihan yang melibatkan penagih di Malaysia (Muhd Dhamir et. al., 2018).

Dalam pada itu, pelaksanaan kajian ini akan memfokuskan kepada lima faktor utama yang mendorong pengalagunaan dadah dan tingkah laku relapse dadah dalam kalangan banduan penjara di Jabatan Penjara Perak, Penang, Kedah dan Perlis. Kesemua lima faktor tersebut ialah faktor sendiri, faktor rakan sebaya, faktor keluarga, faktor masyarakat dan juga faktor media sosial. Ini bermakna bahawa pelaksanaan kajian akan meneliti kedua-dua faktor dalaman dan luaran yang memungkinkan banduan mengulangi kesalahan relapse walaupun telah melalui hukuman. Kajian yang dilaksanakan ini memfokuskan kepada banduan dalam penjara.

## **Permasalahan Kajian**

Kajian yang dilaksanakan ini adalah untuk melihatkan penyalahgunaan dan tingkah laku relapse dadah dalam kalangan banduan penjara. Banyak faktor dilihat mampu mendorong banduan dalam aktiviti penyalahgunaan dadah, Contohnya seperti faktor keluarga, faktor sendiri, faktor rakan sebaya, faktor masyarakat dan juga faktor media sosial (Azman, 2011). Namun begitu, apakah faktor utama yang mendorong banduan ini untuk melibatkan diri dalam penyalahgunaan dadah sehingga membentuk tingkah laku relapse (Fauziah et. al., 2017). Adakah ahli keluarga khususnya ibu bapa gagal memainkan peranan mereka sebagai pembimbing keluarga ataupun perasaan ingin tahu dalam kalangan banduan.

Mengikut kajian Abolhasan Afkar (2017), faktor individu, keluarga, sosial, budaya, dan ekonomi adalah yang penting berkaitan dengan tingkah laku relapse dikalangan penagih dadah. Kajian tersebut meneliti min bagi setiap faktor yang mempengaruhi tingkah laku relapse dadah dalam kalangan banduan. Dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa faktor keluarga adalah faktor utama yang menyebabkan bekas penagih kembali menagih dengan min 3.87, diikuti faktor individu iaitu faktor diri sendiri dengan min 3.51 dan faktor sosial iaitu dorongan daripada rakan sebaya dengan min 3.48. Sementara itu, faktor budaya dan faktor ekonomi adalah kecil iaitu hanya 1.18 dan 1.23. Ini bermakna bahawa faktor keluarga, sikap penagih yang tidak dapat mengelak dari terus mengambil dadah dan juga dorongan daripada rakan sebaya adalah antara faktor utama yang menyebabkan tingkah laku relapse dalam kalangan penagih berulang.

Suppiah (2015) menyatakan bahawa tingkah laku relapse dadah dalam kalangan penagih adalah disebabkan oleh kemudahan mereka untuk mendapatkan bekalan dadah selepas keluar dari pusat tahanan. Beliau menjalankan kajian di enam buah Pusat PENGASIH iaitu di Cheras, Muar, Jasin, Mawai, Sg. Buloh dan Kota Bharu dengan menemubual responden yang berada di pusat pengasih tersebut. Dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa faktor-faktor yang menyebabkan penagih terlibat dalam penyalahgunaan dadah di keenam buah pusat PENGASIH Malaysia. Berdasarkan analisis temu bual, majoriti berpendapat bahawa faktor utama yang mendorong kepada penyalahgunaan dadah ialah pengaruh kawan. Selain itu, faktor persekitaran juga mempengaruhi penagih. Di samping itu, perasaan ingin tahu menyebabkan mereka tidak

mampu mengawal nafsu dan mereka mula menagih semula. Faktor kekeluargaan merupakan salah satu faktor kerana ahli keluarga gagal memberi kasih sayang kepada penagih.

### **Objektif Kajian**

Kajian yang akan dilaksanakan bertujuan untuk mengenal pasti penglibatan banduan India yang terdiri daripada warganegara Malaysia dalam aktiviti penyalahgunaan dadah. Penglibatan banduan India dalam aktiviti penyalahgunaan dadah adalah suatu perkara yang sangat serius kerana ianya tidak hanya memberi kesan buruk kepada diri banduan tersebut. Sebaliknya, turut memberikan kesan langsung kepada keluarga, masyarakat dan negara. Kajian ini akan merungkai beberapa objektif seperti berikut:

- i. Mengenal pasti faktor dorongan yang meningkatkan tingkah laku dalam aktiviti penyalahgunaan dadah.
- ii. Menentukan faktor tindakan susulan dari agensi-agensi penguatkuasa dalam mengurangkan penglibatan banduan dalam aktiviti penyalahgunaan dadah.
- iii. Menghuraikan kesan hukuman dalam mengurangkan tingkah laku relapse dalam aktiviti penyalahgunaan dadah.
- iv. Mengenal pasti pendidikan masyarakat dalam meningkatkan penglibatan banduan dalam aktiviti penyalahgunaan dadah.
- v. Menentukan faktor penilaian program pemulihan dalam mengurangkan penglibatan banduan dalam aktiviti penyalahgunaan dadah.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan kaedah kualitatif untuk meneliti dan meninjau faktor yang menyebabkan tingkah laku relaps dadah dalam kalangan penghuni di tiga penjara di Kedah iaitu Penjara Yan, Penjara Sik dan juga Penjara Kuala Kedah. Menerusi kaedah kualitatif ini juga, pengkaji akan menggunakan temu bual secara berkumpulan dan temu bual secara individu berkaitan faktor yang mendorong mereka untuk terlibat dengan aktiviti penyalahgunaan dadah seperti mana yang dijelaskan di bawah:

#### **i. Temubual Berkumpulan**

Temubual berkumpulan akan dilakukan untuk mendapatkan maklumat secara umum tentang faktor keluarga, rakan sebaya, sendiri, masyarakat dan juga media sosial yang mendorong banduan terlibat dengan amalan penyalahgunaan dadah. Temubual yang dilakukan ini akan mendapatkan gambaran umum tentang faktor yang mendorong responden terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Temubual berkumpulan juga dilakukan untuk mendapatkan gambaran secara umum tentang faktor yang menyebabkan dan mempengaruhi tingkah laku relaps dadah dalam kalangan

banduan di Jabatan Penjara Kedah (JPK). Menerusi temubual yang dilaksanakan juga, analisis dan penilaian akan dilakukan ke atas faktor utama yang mendorong kepada tingkah laku relaps dadah dalam kalangan banduan tersebut.

## **ii. Temubual Individu**

Temubual individu pula akan untuk mendapatkan maklumat secara khusus tentang faktor utama banduan terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Setiap penagih semestinya mempunyai sebab tersendiri yang mendorong mereka terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Terdapat banduan yang mengambil dadah yang disebabkan oleh tekanan hidup dan terdapat juga banduan yang mengambil dadah yang disebabkan oleh dorongan daripada rakan sebaya. Oleh itu, analisis temubual individu yang dilaksanakan akan dapat meneliti dan mengenal pasti secara tepat tentang faktor yang mendorong tingkah laku relaps dadah dalam kalangan banduan di JPK. Namun begitu, analisis temubual hanya difokuskan kepada lima faktor utama yang memungkinkan tingkah laku relaps dadah dalam kalangan banduan iaitu faktor keluarga, faktor rakan sebaya, faktor sendiri, faktor masyarakat dan juga faktor media sosial.

Penggunaan kaedah temubual ini adalah sebagai salah satu cara untuk mendapatkan maklumat yang lebih jelas tentang keadaan dan situasi yang dihadapi oleh responden sehingga mendorong mereka terlihat dengan aktiviti penyalahgunaan dadah. Selain daripada itu, dokumen berkaitan dengan jenayah yang dilakukan oleh banduan berkenaan akan dianalisis (Intelligent statement).

### **4.1 Populasi dan Sampel Kajian**

Dalam kajian ini, populasi kajian terdiri daripada banduan yang telah disabitkan dengan kesalahan penyalahgunaan dadah. Banduan yang dijadikan sebagai populasi kajian terdiri daripada banduan di beberapa buah penjara seperti Penjara Yan, Penjara Sik dan juga Penjara Kuala Kedah. yang mana terdiri daripada banduan berbangsa India. Berdasarkan kepada maklumat Jabatan Penjara di ketiga-tiga penjara yang disasarkan, terdapat seramai 428 orang yang telah disabitkan dengan kesalahan penyalahgunaan dadah dan kini sedang menjalani hukuman.

Daripada kesemua 428 orang banduan yang disabitkan bersalah dengan kesalahan penyalahgunaan dadah, hanya 8 orang banduan sahaja yang akan dipilih sebagai sampel kajian. Pemilihan sampel dilakukan secara berstrata dengan panduan dan bantuan daripada pegawai penjara yang terlibat. Ini adalah untuk memastikan agar responden yang dipilih adalah responden yang memenuhi kriteria berikut:

- i. Remaja yang berumur dalam lingkungan 20-an tahun
- ii. Penagih berulang
- iii. Banduan berbangsa India
- iv. Terdiri daripada banduan di Penjara Yan, Penjara Sik dan juga Penjara Kuala di Kedah.

## 4.2 Instrumen Kajian

Menerusi pelaksanaan kajian ini, terdapat beberapa instrumen kajian yang digunakan untuk mengumpul data dan maklumat daripada responden kajian seperti mana yang berikut:-

### i. Borang Soal Selidik

Instrumen demografik yang akan digunakan dalam mengumpul data dan maklumat kajian adalah borang yang mempunyai maklumat latar belakang responden dan beberapa persoalan yang berkaitan dengan faktor tingkah laku relapse dadah dalam kalangan responden kajian.

### ii. Temubual

Instrumen kedua yang akan digunakan dalam mengumpul data kajian adalah temubual yang akan dilakukan ke atas responden kajian. Temubual dilakukan ke atas responden kajian yang dipilih secara rawak berdasarkan borang demografik. Temubual yang dilaksanakan juga adalah untuk mendapatkan gambaran lebih jelas daripada responden kajian berkenaan dengan faktor tingkah laku relapse dadah.

## Kesimpulan

Penglibatan golongan remaja dengan kegiatan penyalahgunaan dadah bukan sahaja boleh merosakkan kualiti kehidupan harian mereka sebaliknya menyukarkan hasrat negara untuk menggilap dan memperkasa bakal pewaris negara di masa hadapan (Azemi et. al., 2018) . Walaupun pelbagai usaha dan langkah pencegahan dan pemulihan dilakukan untuk mengatasi isu penyalahgunaan dadah khususnya dalam kalangan banduan, namun masih terdapat ramai yang menyalahgunakan dadah. Oleh itu, kajian yang dilaksanakan adalah suatu kajian yang dapat mengenal pasti secara jelas tentang faktor tingkah laku relapse dadah dalam kalangan banduan penjara.

## References

- Abolhasan Afkar, Seyed Mahmoud Rezvani & Abdolhosein Emami Sigaroudi, (2017). Measurement of Factors Influencing the Relapse of Addiction: A Factor Analysis. *International Journal of High Risk Behav Addict*. Vol. 6, Issue 3
- Azemi Shaari, Adzhar Kamarruddin Saidin, Mohd Zaki Ablah, Mohd Najmi Mahadi, Mohamad Idris Ahmad. Basri Nordin, Zulkurnain Hasan, Nashidulfikri Mohd Pital, Siti Sarah Ibrahim, Ahmad Nizam Ramli, (2018), Kajian Etnografi faktor penagihan dadah dan ketum dalam kalangan penduduk di Negeri Kedah dan Kerian Perak. Belum diterbitkan AADK Kerian Perak dan AADK Kedah

- Azman Mohd Noor, (2011). Penyalahgunaan Dadah Dan Kewajaran Peruntukan Hukuman Berat Ke Atas Penagih Dan Pengegar Dadah Di Malaysia Menurut Perspektif Syariah. *Jurnal Antidadah Kebangsaan*, Jilid 8, No. 2, Hlm 93-121
- Dzul kifli Abdul Razak. (2002). *Dadah : Senario Sejagat yang Membimbangkan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka
- Fauziah Ibrahim, Bahaman Abu Samah, Mansor Abu Talib & Mohamad Shatar Sabran, (2012). Penagih Dadah Dan Keadaan Berisiko Tinggi Kembali Relaps, *Journal of Social Science and Humanities*, Volume 7, Number 1, page 38-49
- Fauziah Ibrahim, Ezarina Zakaria, Nor Jana Saim, Salina Nen & Mohd Norahim Mohamed Sani. (2017). Faktor-faktor penyumbang ketahanan diri penagih untuk pulih bebas dadah. *eBangi Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 12(1), 60-74.
- Muhd Dhamir Audi Azizul, Azlina Mohd Khir & Wan Munira Binti Wan Jaafar, (2018). Faktor Luaran Relaps Dalam Kalangan Penagih Lelaki Dewasa di Cure and Care Service Centre, Kuala Pilah, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, Volume 3, Issue 2, hlm. 159-168
- Norruzeyati Che Mohd Nasir, Mohammad Rahim Kamaluddin & Mohd Alif Jasni, (2020). Faktor Risiko Tingkah Laku Relaps Dadah dalam Kalangan Pelatih Wanita di *Cure and Care Rehabilitation Centre (CCRC)*. *Jurnal Psikologi Malaysia*, Vol. 34(2), Hlmn. 53-66
- Nurhazlina Mohd Arifin. (2009). *Faktor-faktor residivisme pengguna dadah di Pusat Serenti Bukit Mertajam Pulau Pinang*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia
- Samir Bhandari, Maginsh Dahal & Ganga Neupane, (2015). Factors associated with drug abuse relapse: A study on the clients of rehabilitation centers. *US National Library of Medicine enlisted journal*, Vol. 8(4), Page 293-298
- Suppiah Nachiappan, (2015). Analisis Faktor Penyumbang Terhadap Penyalahgunaan Dadah dan Usaha Pemulihan dari Segi Kognisi di Pusat PENGASIH Malaysia, *Journal of Social Science*, Vol 1, hlm. 34–39